

Singapura nafi tambak laut jejas Malaysia

SINGAPURA: Singapura semalam menafikan kerja penambakan di perairan Selat Tebrau boleh menjejaskan industri perkapalan Malaysia dan menyifatkan dakwaan Kuala Lumpur tidak berasas dari segi undang-undang.

"Pada mulanya kami diberitahu menceroboh wilayah Malaysia. Tetapi setelah dinafikan Singapura, kini timbul pula dakwaan penambakan laut di kawasan milik kita mungkin menjejaskan perkapalan mereka. Dakwaan ini sama sekali tidak berasas dari segi undang-undang antarabangsa," kata seorang jurucakap Kementerian Luar republik itu dalam satu kenyataan semalam.

Kenyataan itu dikeluarkan selepas Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Singapura akan diminta memastikan usaha penambakan lautnya itu tidak menjejaskan laluan perkapalan Kuala Lumpur.

Biarpun projek itu di perairan Singapura, Dr Mahathir berkata ia akan mengganggu dasar laut itu dan menjejaskan laluan kapal perairan Malaysia.

Namun, jurucakap kementerian yang mempertahankan tindakan republik itu berkata "keseluruhan kerja penambakan laut itu dibuat dalam kawasan milik Singapura berdasarkan hak kita mengikut undang-undang antarabangsa."

Dr Mahathir turut berkata pihak Kementerian Luar sudah memanggil Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke negara ini, bagi menyuarakan kebimbangan mengenai isu itu, tetapi tiada sebarang jawapan rasmi republik itu.

Malaysia bimbang kerja penambakan laut itu terlalu hampir dengan sempadan dan mengganggu kapal menuju pelabuhan di Johor, dianggap saingan pelabuhan Singapura.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz kelmarin berkata Kuala Lumpur berhak menyuarakan kebimbangannya dan ia tidak boleh dianggap mencampuri hal ehwal republik itu. - AFP